DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
[RAYUAN JENAYAH NO: BA-42K-7-08/2020]
(Dalam Perkara Mahkamah Sesyen Petaling Jaya
Kes No: BB-MS1-62K-144-8/2018 & BB-MS1-62K-145-8/2018)

ANTARA

PENDAKWA RAYA … PERAYU

DAN

MUHAMMAD ZARIF BIN ABDULLAH MENON … RESPONDEN

PENGHAKIMAN

PENDAHULUAN

[1] Responden pertama menghadapi pertuduhan di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan dan bersama dengan Responden kedua menghadapi pertuduhan di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 [Akta 613].

[2] Responden-Responden dilepaskan dan dibebaskan di akhir kes pendakwaan terhadap semua pertuduhan di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan dan seksyen 4(1)(a) Akta 613. Pendakwa Raya memfailkan rayuan terhadap keputusan HMS yang bijaksana. Pihak-pihak telah memfailkan hujahan bertulis dan secara lisan dalam rayuan ini.

[3] Di akhir pendengaran rayuan, mahkamah telah mengekalkan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen ("HMS") yang bijaksana melepas dan membebaskan Responden pertama daripada pertuduhan di bawah

seksyen 420 Kanun Keseksaan. Walau bagaimanapun, mahkamah telah mengenepikan keputusan HMS yang bijaksana melepas dan membebaskan kedua-dua Responden di bawah pertuduhan seksyen 4(1)(a) Akta 613 dan telah memanggil kedua-dua Responden untuk membela diri. Pendakwa Raya tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah untuk mengekalkan pelepasan dan pembebasan Responden di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan dan telah memfailkan rayuan terhadap keputusan itu.

PERTUDUHAN

[4] Mahkamah telah mengekalkan keputusan HMS yang bijaksana untuk melepas dan membebaskan Responden daripada pertuduhan-pertuduhan di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan seperti berikut:

BB-MS1-62K-144-08/2018

"Bahawa kamu pada 28/10/2016, di Messrs Aniza, Varghese & Partners, No.3, Jalan SS 3/19, Petaling Jaya, dalam Daerah Petaling, dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah didapati menipu dan dengan curangnya mendorong Syarikat RJ Oil And Gas Services Sdn Bhd supaya membayar wang sebanyak RM750,000.00 sebagai wang insurans bagi pinjaman wang yang ditawarkan kepada syarikat tersebut sebanyak RM 27 juta. Oleh yang demikian itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan".

BB-MS1-62K-145-08/2018

"Bahawa kamu pada 9/11/2016, di Messrs Aniza, Varghese & Partners, No. 3, Jalan SS3/19, Petaling Jaya, dalam daerah Petaling, dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah didapati menipu dan dengan curangnya mendorong Syarikat RJ Oil and Gas Services Sdn Bhd supaya membayar wang sebanyak RM750,000.00 sebagai wang insurans bagi pinjaman wang yang

ditawarkan kepada syarikat tersebut sebanyak RM27 juta. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Hukuman : Sabit kesalahan hendaklah dipenjarakan tidak kurang satu tahun dan tidak lebih sepuluh tahun dan dengan sebatan dan bolehlah juga dikenakan denda.

FAKTA KES

[5] Dalam kes ini, syarikat RJ Oil ("RJ Oil") ingin mendapatkan pinjaman RM27 juta daripada Capital Century milik Responden. Terdapat syarat bahawa syarikat RJ Oil perlu mengambil insuran berjumlah RM1.5 juta sebagai sokongan untuk pinjaman itu. Sementara itu, Responden dan isterinya telah turut dilantik sebagai pengarah syarikat RJ Oil. Responden pertama berperanan dalam cadangan pengambilan insurans yang disediakan oleh SP1.

[6] RJ Oil telah meminjam RM1.5 juta tersebut daripada SP4 bagi tujuan itu. Terma pelaksanaan pinjaman tersebut telah dinyatakan dalam satu surat akujanji (P6) yang telah ditandatangani oleh SP9 (peguam RJ Oil) ditujukan kepada SP4 yang antara lain menyatakan, setelah menerima pindahan wang RM1.5 juta daripada SP4 ke dalam akaun firma SP9 pada atau sebelum 28 Oktober 2016, SP9 akan memindahkan jumlah tersebut ke dalam akaun OCBC Singapura pada atau sebelum 2 November 2016.

[7] Pindahan keseluruhan jumlah RM1.5 juta tidak memenuhi syarat dalam P6 tersebut kerana hanya separuh atau RM750,000.00 sahaja yang dimasukkan ke dalam akaun firma SP9 pada atau sebelum 28 Oktober 2016. Jumlah selebihnya hanya dimasukkan ke akaun firma SP9 pada 9 November 2016.

[8] Oleh kerana terma P6 tidak dipenuhi, **SP9 telah meminta dan menjalankan arahan RJ Oil** untuk memindahkan amaun yang

diterima daripada SP4 menggunakan resolusi syarikat dan memindahkan separuh jumlah wang yang telah diterima pada 28.10.2016 dan bakinya yang diterima pada 9.11.2016 ke dalam akaun-akaun Responden dan akaun bersama Responden dan isterinya yang kemudiannya menjadi asas bagi pertuduhan kesalahan pengubahan wang haram. kesalahan pengubahan wang haram.

[9] Responden dalam dua pertuduhan seksyen 420 Kanun Keseksaan dikatakan telah *didapati menipu dan dengan curangnya mendorong Syarikat RJ Oil and Gas Services Sdn Bhd supaya membayar wang sebanyak RM750,000.00 sebagai wang insurans bagi pinjaman wang yang ditawarkan kepada syarikat tersebut sebanyak RM27 juta*. Dua pindahan wang ini berjumlah RM1.5 juta.

ISU YANG BERBANGKIT

[10] Secara ringkasnya, isu yang dibangkitkan oleh Perayu ialah sama ada HMS yang bijaksana terkhilaf apabila memutuskan pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* berkaitan pertuduhan-pertuduhan di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan atas pertimbangan keseluruhan keterangan.

[11] HMS dikatakan khilaf apabila memutuskan anggapan di bawah seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai terhadap pihak pendakwaan apabila gagal memanggil dua orang saksi untuk menjawab isu/cadangan yang dibangkitkan oleh pihak pembelaan.

[12] Selain itu HMS juga dikatakan terkhilaf apabila mengatakan keterangan SP10 banyak percanggahan dan tidak menimbangkan keterangannya secara terperinci.

ANALISA DAN DAPATAN

[13] Setelah meneliti Alasan Penghakiman HMS seperti di ms. 42 hingga 47, Rekod Rayuan Jilid I, mahkamah bersetuju dengan dapatan HMS yang bijaksana bahawa pertuduhan di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan tidak dapat dibuktikan atas penilaian maksima. Keputusan ini adalah tepat dan dikekalkan akibat ujudnya kelemahan-kelemahan keterangan yang tidak dibaiki oleh pihak pendakwaan.

[14] Di dalam kes ini Responden telah dituduh memperdaya syarikat RJ Oil memindahkan kepada Responden wang berjumlah RM1.5 juta sebagai bayaran insurans bagi pinjaman RM27 juta dari syarikat milik Responden. Mahkamah mendapati ujud kecelaruan dalam keterangan pihak pendakwaan yang akhirnya tidak menyokong pembuktian pertuduhan seksyen 420 Kanun Keseksaan terhadap Responden atas penilaian maksima keterangan. Pinjaman RM27 juta tersebut (P11) telah pun tamat tempoh pada 15.5.2016, jauh lebih awal dari tarikh pertuduhan terhadap Responden. Tiada keterangan daripada saksi pendakwaan bahawa perjanjian pinjaman P11 telah / akan dilanjutkan tempohnya. Ini menjadikan asas kepada keperluan insuran RM1.5 juta tersebut boleh diragui.

[15] Kes pendakwaan ialah duit RM1.5 juta sepatutnya dipindah ke akaun syarikat RJ Oil di OCBC Bank Singapura untuk menyakinkan pelabur yang bernama Tan Sri CP Lim dalam syarikat Responden. Apabila pindahan wang tidak dapat dilakukan, Responden didakwa telah menasihati SP10 dan Justin Janath A/L Charles A.S untuk membuat satu perjanjian pinjaman antara syarikat RJ Oil and Gas Services dengan Responden dan isterinya. Resolusi P25 dan P26 bertarikh 1 November 2016 menyokong perjanjian tersebut. Tujuannya untuk membenarkan duit RM1.5 juta dipindahkan ke akaun OKT dan isterinya dahulu dan selepas itu dipindah ke akaun OCBC syarikat RJ Oil di Singapura. Malangnya, SP10 mendakwa tujuan itu tidak dilakukan oleh Responden. Sementara itu, pihak pembelaan pula

mendakwa pindahan wang tersebut dibuat untuk tujuan bayaran balik pinjaman lain yang diberikan oleh Responden dan isterinya kepada syarikat RJ Oil tersebut. Laporan-laporan polis D49, D50 dan D51 dikemukakan pihak pembelaan yang kelihatan menyokong dakwaan keujudan pinjaman tersebut. Tiada keterangan dari pihak pendakwaan untuk menjelaskan perkara ini atau menyangkal dakwaan itu.

[16] SP9 telah melakukan pemindahan wang RM1.5 juta tersebut atas arahan syarikat RJ Oil ke akaun milik Responden dan isterinya Arzawiyah Binti Ab Rahman. Resolusi yang disediakan iaitu P12-18 diakui benar oleh SP10 dan setiausaha syarikat SP7. Mahkamah bersetuju dengan dapatan HMS yang bijaksana walaupun SP10 telah mengatakan resolusi-resolusi tersebut dibuat atas cadangan dan perdayaan Responden, hakikat bahawa kesemua pengarah RJ Oil telah turut menandatangani resolusi itu menyebabkan keterangan SP10 sahaja tidak memadai.

[17] Dalam keadaan pertuduhan yang sangat serius terhadap Responden dan pihak pembelaan mengemukakan keterangan yang mendakwa ujudnya fakta lain yang bercanggah, pihak pendakwaan mempunyai pilihan untuk memanggil saksi lain dari pihak syarikat RJ Oil seperti Justin Janath A/L Charles A.S atau lain-lain pengarah untuk memberi penegasan dan penjelasan berkaitan dakwaan perdayaan Responden dan bagaimana lain-lain pengarah syarikat boleh terpengaruh dengan cadangannya sehingga terpedaya seperti dalam pertuduhan.

[18] HMS yang mendengar dan melihat sendiri saksi-saksi pendakwaan tidak yakin dengan keterangan yang diberikan oleh SP10 kerana langkah- langkah yang diambil SP10 dan pengarah lain yang seperti menurut sahaja cadangan dan arahan Responden tanpa persoalan boleh diragui. Lantas, kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi lain untuk mengukuhkan keterangan SP10 tidak membantu kes pendakwaan atas penilaian maksima.

[19] Penelitian keterangan juga menunjukkan tindakan dan langkah yang diambil oleh SP10 dan lain-lain pengarah syarikat RJ Oil serta peguamnya SP9, berkaitan wang RM1.5 juta tersebut turut tidak teratur dan salah. SP9 mengesahkan bahawa terma dan syarat surat akujanji P6 telah tidak dipenuhi oleh SP4. Justeru, pada pendapat mahkamah, apabila SP9 menerima arahan syarikat RJ Oil yang mengubah terma P6, SP9 sepatutnya mendapatkan pengesahan daripada SP4 tentang perubahan terma P6 tersebut. Sekurang-kurangnya SP10 atau lain-lain pengarah syarikat RJ Oil juga boleh berurusan dengan SP4 berkaitan perkara itu. Akan tetapi, SP10 dan syarikat RJ Oil terus memberi arahan beserta resolusi syarikat kepada SP9 untuk menukar terma P6 tanpa pengetahuan dan persetujuan SP4.

[20] SP9 sebagai orang yang mempunyai kawalan (dominion) atas wang SP4 yang dimasukkan ke dalam akaun firmanya telah dengan salah memindahkan jumlah RM1.5 juta tersebut kepada akaun Responden dan isterinya tanpa persetujuan SP4; suatu kesalahan pecah amanah jenayah. SP10 dan lain-lain pengarah RJ Oil telah bersekongkol dalam kesalahan itu apabila memberikan resolusi mengubah terma P6 tanpa mendapatkan persetujuan daripada SP4.

[21] SP4 menyatakan dalam keterangannya bahawa dia cuba menghubungi SP9 berkaitan wang pinjaman itu, tetapi SP9 tidak mahu berurusan dengannya yang mendorong SP4 mengarahkan SP3 untuk membuat laporan polis. Keengganan SP9 berurusan dengan SP4 adalah keterangan perbuatan yang relevan (relevant conduct) SP9 di bawah seksyen 8, Akta Keterangan 1950 yang menunjukkan pengetahuan bahawa dia telah melakukan kesalahan (guilty mind).

[22] Keujudan isu-isu ketidak-aturan dan kesalahan lain oleh SP9 dan suatu bentuk persubahatan oleh SP10 sebagai tambahan kepada dapatan-dapatan HMS yang bijaksana mewajarkan keputusan HMS berkaitan kredibiliti SP10 dan kelemahan keterangan yang tidak dibaiki oleh pihak pendakwaan.

KESIMPULAN

[23] Berdasarkan analisa di atas, mahkamah mendapati dapatan HMS yang bijaksana tentang kegagalan pihak pendakwaan membuktikan kes *prima facie* bagi pertuduhan di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan adalah wajar. Sehubungan itu, keputusan melepas dan membebaskan Responden bagi pertuduhan itu dikekalkan.

(JULIA IBRAHIM)
Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Malaya
Shah Alam
Selangor.

Bertarikh: 24 JANUARI 2022

KAUNSEL:

Bagi pihak perayu - TPR Mohd Raimi Mohd Ramli & TPR Rohaiza Zainal, Timbalan Pendakwa Raya; Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

Bagi pihak responden - Norman Mohd Nasir & Fahmi Adilah; T/n Fahmi Zhafri Ashraf & Co

Perundangan yang dirujuk:

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001, s. 4(1)(a)

Akta Keterangan 1950, ss. 8, 114(g)

Kanun Keseksaan, s. 420